

BIODATA

N.A HALIM (ABD HALIM NASIR)

Abd. Halim Nasir adalah satu nama besar dalam dunia penulisan Melayu khususnya berkaitan dengan penyelidikan mengenai senibina Melayu, rumah tradisional Melayu, masjid, sungai dan perkara yang menyentuh kosmologi Melayu. Beliau dilahirkan pada 12 Mac 1938 di Kampung Masjid, Lenggong yang terletak di jajahan Hulu Perak. Berkahwin pada tahun 1970 dengan Zainah Hj. Musa yang berasal dari Kampung Sungai Mulia Gombak, Kuala Lumpur. Beliau mempunyai 4 orang cahayamata. Mula bertugas di Jabatan Muzium Negara pada tahun 1963 iaitu semasa Allahyarham Tan Sri Sheppard menjadi Ketua Pengarah Muzium Negara yang pertama. Mula-mula bertugas sebagai pelukis bahagian ilmu kejadian dan kemudian sebagai Penyelidik Luar. Pada 12 September 1989 beliau dilantik sebagai Karyawan Tamu (Penulis Tamu) di Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA), Universiti Kebangsaan Malaysia hingga tamat tempoh pada 12 September 1995 (6 tahun).

Beliau telah menerima beberapa anugerah seperti Anugerah Khidmat Cemerlang yang julung kali diadakan oleh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan Malaysia pada tahun 1978, Anugerah Ijazah Kehormat Sarjana Sastera di hari Konvokesyen ke 18, Universiti Kebangsaan Malaysia pada 12 Ogos 1990, Anugerah Khas Penulis Terbaik Buku Kota-Kota Melayu di Pesta Buku Malaysia 1990, anjuran Kementerian Pendidikan Malaysia dan menerima Anugerah Penulis Terbaik Buku Rujukan Umum Masjid-Masjid di Semenanjung Malaysia di Pesta Buku Malaysia pada tahun 1984.

Keunikan Abd. Halim terletak kepada kesungguhan dan aktifnya beliau menjalankan penyelidikan dalam lapangan yang diceburinya yang telah membawa beliau merantau hampir keseluruhan wilayah alam Melayu Nusantara. Hampir kesemua hasil penyelidikannya telah dibukukan dan dijadikan bahan rujukan sarjana tempatan dan luar negara.

Koleksi foto dan slaid merupakan satu lagi bahan yang unik dalam koleksi peribadi beliau. Ia mengandungi gambar-gambar bersejarah yang mungkin sukar didapati sekarang.

Inisiatif Abd. Halim Nasir menawarkan Perpustakaan Negara Malaysia koleksi peribadi beliau untuk dirakamkan sebagai khazanah negara sebelum beliau meninggal dunia sesungguhnya satu kebetulan yang tidak diduga. Kini walaupun tokoh karyawan ini sudah meninggalkan kita, namun sumbangannya kepada dunia ilmu masih mampu dinikmati oleh generasi yang ada dan akan datang. Koleksi beliau telah diterima oleh Perpustakaan Negara Malaysia pada tahun 1999.